

523:
MAHATHIR

1976

ALOR STAR, 17 MAC (BERNAMA) - TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENGGESA GURU-GURU, MURID-MURID DAN IBUBAPA SUPAYAMENJALANKAN USAHA SECARA KOLEKTIB BAGI MENCAPAI KEJAYAAN LEBIH TINGGI DIBIDANG PELAJARAN.

KATANYA, SEMANGAT KERJASAMA INI HENDAKLAH JUGA UJUD DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI, PEJABAT PELAJARAN NEGERI DAN DI PERINGKAT KEMENTERIAN.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMI BANGUNAN TAMBAHAN SEKOLAH KEBANGSAAN GUAR CEMPEDAK BERNARGA \$175,000, 20 BATU DARI SINI.

DR. MAHATHIR BERKATA BILANGAN CALUN YANG BENAR-BENAR LAYAK UNTUK DIMASUKKAN KE UNIVERSITI-UNIVERSITI DALAM JURUSAN SAINS KEDOKTORAN DAN KEJURUTERAAN SANGAT BERKURANGAN PADA MASA INI.

SEKIRANYA USAHA KOLEKTIB INI DILAKSANAKAN DI SEKOLAH-SEKOLAH TERUTAMA SEKOLAH-SEKOLAH ASRAMA PENUH DAN MENENGAH PILIHAN, KEKURANGAN TERSEBUT DAPAT DIATASI DENGAN MENYEDIAKAN LEBIH RAMAI PENUNTUT YANG TINGGI MUTU PELAJARANNYA UNTUK MEMASUKI UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN DAN LUAR NEGERI.

— BERSAMBUNG 1305/SZ

525:
MAHATHIR 2 ALOR STAR

261

DR. MAHATHIR SETERUSNYA BERKATA, SALAH SATU FAKTUR PENTING YANG MENYEBABKAN KELEMAHAN PELAJARAN IALAH PERASAAN HASAD DAN DENGKI DIKALANGAN GURU-GURU, PENSYARAH DAN PEGAWAI-PEGAWAI YANG SELALU TIMBUL BERIKUTAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT.

PERASAAN TERSEBUT MEMUSNAHKAN PENTADBIRAN PELAJARAN DAN AKIBATNYA PARA PELAJAR YANG MENJADI MANGSA.

+SAYA MENEKANKAN INI ADALAH KERANA KEMENTERIAN PELAJARAN MEMPUNYAI KIRA-KIRA 100,000 ORANG GURU, PEGAWAI DAN KAKITANGAN SERTA KIRAKIRA DUA JUTA MURID DAN PELAJAR YANG MESTI DIBERI PELAJARAN YANG BERKESAN DAN BERGUNA, + KATANYA.

JIKA TIDAK JUJUD PERPADUAN YANG KUKUH ADALAH MUSTAHIL UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN YANG CEMERLANG DALAM BIDANG PELAJARAN, TAMBAHNYA.

DENGAN ITU BELIAU BERHARAP SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT HENDAKLAH MEMENUHI HAKIKAT INI SUPAYA SEMUA PROJEK DAN USAHA YANG SEDANG DAN AKAN DILAKSANAKAN OLEH KEMENTERIAN PELAJARAN DAPAT BERJALAN DENGAN TERSUSUN DAN TERATUR.

DR. MAHATHIR JUGA MENYERU IBUBAPA SUPAYA MELIPATGANDAKAN PENGLIBATAN MEREKA TERHADAP KEMAJUAN PELAJARAN ANAK-ANAK MEREKA.

— BERSAMBUNG 1307/Z

526:
MAHATHIR 3 ALOR STAR

MEREKA BOLEH BERBUAT DEMIKIAN DENGAN MENYERTAI PERSATUAN IBUBAPA DAN GURU SUPAYA MEREKA BOLEH BERBINCANG TENTANG LANGKAH-LANGKAH SEWAJARNYA DAN TIDAK MEMBUAT SUNGUTAN MELULU.

BELIAU MENEGASKAN KEMENTERIAN PELAJARAN DAN JABATAN PELAJARAN NEGERI SENTIASA MEMERHATI PERKEMBANGAN DAN PERJALANAN TIAP-TIAP SEKOLAH DAN BERUSAHA MENYELESAIKAN SEGALA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH SEKOLAH-SEKOLAH BERKENAAN. -- BERNAMA 1310/SZ